



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING BENDAHARI BIL. 6 /2016

EDARAN SEPERTI LAMPIRAN

YBhg. Prof / Prof. Madya / Dr. / Tuan /Puan

ARAHAN PERBENDAHARAAN 100 – TUNTUTAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM

Tujuan

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan agar semua staf Universiti mematuhi peraturan sebagaimana yang digariskan dalam Arahan Perbendaharaan 100 (a) berkenaan Tuntutan Perjalanan Pegawai Awam.

Tarikh Penghantaran Borang Tuntutan Perjalanan

2. Semua staf adalah diingatkan agar mengemukakan Borang Tuntutan Perjalanan yang lengkap kepada Pejabat Bendahari Kampus Kota/ Unit Kewangan Kampus Bachok / Unit Kewangan Kampus Jeli tidak lewat daripada **10 hari bulan dalam bulan yang berikutnya**. Sebagai contoh bagi perjalanan dalam bulan Mac 2016, Borang Tuntutan Perjalanan dikemukakan tidak lewat daripada 10hb April 2016.

3. Jika perjalanan dimulakan pada hujung bulan dan selesai dalam bulan berikutnya, maka tuntutan perjalanan bagi tujuan berkenaan dianggap sebagai perjalanan bagi bulan perjalanan itu disempurnakan.

4. Kegagalan staf mematuhi tarikh penghantaran Borang Tuntutan Perjalanan ini akan menyebabkan tuntutan perjalanan mereka tidak akan dibayar sebagaimana yang telah diputuskan oleh Pengurusan Universiti.

Tarikh Kuatkuasa

5.. Tarikh kuatkuasa Pekeliling ini adalah mulai tuntutan bagi perjalanan bulan Mac 2016.

Sekian terima kasih.

" SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN "
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



MOHD YUSRI BIN AWANG
Bendahari

s.k - YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor
YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
YBhg. Penolong Naib Canselor
Ketua Unit Audit Dalam